

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	20/09/2017

**NAJIB DEDAH DR M BAYAR JUTAAN RINGGIT  
JUMPA BUSH**

# Bekas duta sahkan Dr M melobi

BH - 20/9/2017 pg. 17

➔ Tindakan mahu jumpa Presiden AS memalukan

Oleh **Hazwan Faisal Mohamad**  
hazwanfaisal@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**T**indakan Tun Dr Mahathir Mohamad melobi untuk berjumpa Presiden Amerika Syarikat (AS), George W Bush ketika beliau menjadi Perdana Menteri pada 2002, adalah sesuatu yang memalukan.

Bekas Duta Besar Malaysia ke AS, Datuk Dr Awang Adek Husin, berkata apa yang didedahkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada Jumaat lalu mengenai tindakan Dr Mahathir membayar jutaan ringgit untuk berjumpa Bush, adalah benar.

Bercakap pada sidang media di sini semalam, Awang Adek berkata beliau sebenarnya tahu dan ada maklumat mengenai tindakan melobi oleh Dr Mahathir.

"Saya tak mahu sebut nama rakan yang terbabit dalam urusan melobi, kerana semua sudah meninggal dunia. Jumlah sebenar yang dibayar untuk melobi saya tak ingat, tetapi memang sehingga berjuta ringgit.

"Namun, saya lega kerana sepanjang jadi duta (2014-2016) dan sehingga sekarang, kita tak pernah lobi atau bayar duit

untuk jumpa Presiden AS seperti pernah dilakukan sesetengah negara lain termasuk Perdana Menteri kita yang dulu untuk berjumpa Presiden Bush.

"Ja sesuatu yang memalukan," katanya sambil menegaskan, jemputan Presiden Donald Trump kepada Najib minggu lalu adalah satu penghormatan yang harus diterima baik.

## Bayar melalui kontrak TNB

Pada Jumaat lalu, Najib mendedahkan, Dr Mahathir ketika pentadbirannya, membayar jutaan ringgit melalui kontrak Tenaga Nasional Berhad (TNB) untuk bertemu Bush menerusi pelobi bermastautin di Hong Kong.

Awang Adek berkata, Trump dan Najib memang berkawan baik, malah Presiden AS itu sering merujuk Perdana Menteri sebagai *my best friend Prime Minister* atau *my favourite Prime Minister*.

"Sewaktu saya (menjadi Duta Besar Malaysia) di AS dan ketika Trump belum jadi Presiden, Datuk Seri Najib sering memberitahu saya bagaimana beliau bermain golf dengan Trump. Jadi mereka berkawan.

"Layanan (ketika lawatan Perdana Menteri) cukup baik, isu dibincangkan merangkumi serantau dan dunia. Kehadiran semua pemimpin tertinggi AS (pada pertemuan Trump-Najib), saya rasa tidak ada yang ketinggalan, termasuk Naib Presiden, Setiausaha Negara, Penasihat Keselamatan Negara, semua ada," katanya.